

*Dr. Shamsul Ismail*

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS DATO RAZALI ISMAIL**

**TUGASAN**

<b>TAJUK PROGRAM : PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU</b>	<b>NAMA GURU PELATIH :</b>
---	----------------------------

<b>TAJUK KURSUS HUBUNGAN ETNIK (WAJ 3106)</b>	<b>SEMESTER 3</b>
---	-------------------

<b>TARIKH MULA</b>	<b>12 Januari 2013</b>	<b>TARIKH HANTAR</b>	<b>6 April 2013</b>
--------------------	------------------------	----------------------	---------------------

**Hasil Pembelajaran:**

1. Menjelaskan pluraliti budaya, masyarakat dan kumpulan etnik.
2. Membincangkan aspek kerjasama politik dan hubungan etnik.
3. Menghuraikan konsep Islam Hadhari dan hubungan etnik.
4. Meramal cabaran pluraliti budaya dan hubungan etnik di Malaysia.
5. Membincangkan peranan masyarakat dan kerajaan dalam mengeratkan hubungan etnik.

Kerja Kursus ini bagi menilai hasil pembelajaran 1, 4 dan 5

**Objektif Projek :**

1. Mengakses maklumat tentang suku kaum kaum dipilih berdasarkan item yang disenaraikan
2. Menghasilkan folio berdasarkan suku kaum yang dipilih
3. Menjelaskan aplikasi hubungan etnik dalam realiti kehidupan masyarakat majmuk berlandaskan nilai hormat menghormati
4. Menyediakan satu esei lengkap berdasarkan soalan tugas

## Tugasan Projek (100%)

### Rangsangan

Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang konsep-konsep asas budaya dan hubungan etnik serta meneliti perkembangan hubungan etnik di Malaysia. Hasratnya adalah mewujudkan masyarakat Malaysia menurut acuan Malaysia. Realitinya di negara ini terdapat lebih kurang 200 suku kaum.

Berikut di senaraikan suku kaum bumiputera di Sarawak dan Sabah.

- Bidayuh
- Iban
- Kayan
- Kenyah
- Kelabit
- Murut
- Punan
- Penan
- Melanau
- Kedayan
- Bisayah
- Kadazan
- Bajau
- Dusun
- Murut
- Loh Dayuh
- Bisaya
- Kadayun
- Orang Sungei
- Suang Latut

Arahan Tugas:

**Bagi melaksanakan tugas ini, secara berpasangan pelajar diminta;**

**a) Menyediakan Folio**

1. Memilih satu kaum daripada senarai yang diberikan. (pastikan tidak ada pertindihan kaum yang dipilih dalam unit anda).
2. Berdasarkan kaum yang anda pilih, lakukan kajian dokumen iaitu mencari maklumat melalui pembacaan buku-buku, jurnal, makalah-makalah bercetak ataupun pencarian internet
3. Folio yang anda sediakan perlulah didokumentasikan dengan lengkap yang berfokuskan kepada aspek-aspek berikut
  - Latar belakang kaum
  - Tempat tinggal
  - Budaya
  - Amalan
  - Perayaan
  - Makanan
  - Pantang larang
  - Lagu (sertakan cd kalau ada)
  - Lain-lain mengikut kreativiti anda
4. Folio yang disediakan tidak kurang daripada 15 muka surat dan tidak melebihi 30 muka surat. Folio boleh disediakan dalam saiz A4 atau A3.

**b) Kajian ilmiah berdasarkan soalan tugas berikut:**

Perhubungan dan kerjasama pelbagai golongan etnik akan dapat melahirkan satu suasana yang aman harmonis. Bincangkan aplikasi hubungan etnik dalam realiti kehidupan masyarakat majmuk berlandaskan nilai hormat menghormati.

## **Panduan Pelaksanaan**

1. Pelaporan tugas hendaklah bertaip menggunakan font jenis Arial, saiz 12 dan langkau 1½ baris, tidak melebihi 15 muka surat
2. Format esei mestilah mengandungi muka surat, senarai kandungan, pendahuluan, kaedah mengumpul maklumat, laporan hasil kajian, gambar foto ( sekiranya ada ) kesimpulan, senarai rujukan dan lampiran.
3. Sumber / bahan rujukan perlu dinyatakan mengikut format penulisan bibliografi berdasarkan APA
4. Rajah, jadual dan gambar hendaklah dinomborkan dan dinyatakan tajuk dan sumbernya.
5. Refleksi dilaksanakan secara individu
6. Bahagian kulit luar hendaklah dilengkapi dengan maklumat berikut :
  - a) Nama dan ahli kumpulan dan nombor Matrik
  - b) Kumpulan / Unit
  - c) Kod dan Mata Pelajaran
  - d) Nama Pensyarah

### **Tugasan Yang Baik Harus Menunjukkan Kriteria Berikut :**

- 1 Mengakses maklumat tentang suku kaum kaum dipilih berdasarkan item yang disenaraikan
- 2 Menghasilkan folio berdasarkan suku kaum yang dipilih
- 3 Liputan kandungan yang menyeluruh ,konsisten dan terperinci
- 3 Menjelaskan aplikasi hubungan etnik dalam realiti kehidupan masyarakat majmuk berlandaskan nilai hormat menghormati
- 4 Menyediakan satu esei lengkap berdasarkan soalan tugas
- 5 Komitmen tinggi dan semua tugas dilaksanakan dengan jayanya.

Disediakan oleh :



**HASNUL HADI BIN TENGAH**

Penyelaras Mata Pelajaran

Hubungan Etnik

WAJ 3106

IPG Kampus Dato Razali Ismail